

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA CIDB HOLDINGS SDN BHD (CIDBH) DAN MALAYSIA STEEL INSTITUTE (MSI)

22 Mei 2023, Seri Pacific, Kuala Lumpur- Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara CIDB Holdings dan Malaysia Steel Institute (MSI) telah berlangsung pada 22 Mei 2023 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Upacara ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Eksekutif CIDB Holdings , Encik Mohd Azizi Ali bersama Ketua Eksekutif Malaysia Steel Institute (MSI), Encik Lim Keng Yow@Jarrod Lim serta disaksikan oleh Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad'Asri Abdul Hamid dan Ahli Lembaga Pengarah MSI, Dato' Ir. Andy Seo.

Datuk Ir. Ahmad'Asri Abdul, berkata dalam ucapannya , “kolaborasi ini membuka peluang kepada kedua-dua pihak di dalam berkongsi informasi dan kepakaran di dalam bidang berkaitan dan program pembangunan industri besi dan di Malaysia”.

Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui melalui MoU ini termasuklah CIDBH dan MSI akan berkerjasama untuk memudahkan dan meningkatkan penerapan amalan terbaik menggunakan sistem ASSURE di kalangan pemegang taruh yang menawarkan perkhidmatan berkaitan dengan pematuhan Malaysian Standard bagi bahan binaan tempatan dan import dalam industri pembinaan di Malaysia. Kerjasama ini mewujudkan asas yang baik dan membuka era baru di dalam kerjasama strategik untuk kebaikan bersama. Pihak MSI akan membantu CIDBH dalam mempromosi dan menggalakkan penggunaan ASSURE bagi perkhidmatan berkaitan pengujian, persijilan dan pemeriksaan produk kepada pemain industri besi dan keluli.

ASSURE merupakan satu sistem berasaskan web yang memudahkan pelanggan mendapatkan sijil produk atau perkhidmatan ujian produk sebagai pra-syarat yang akan digunakan untuk memohon kelulusan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) dan Certificate Of Approval (COA) daripada CIDB Malaysia. Bagi maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh layari www.cidbholdings.com.my atau hubungi 03-5525 8974.

CIDB Holdings (CIDBH) adalah anak syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia yang mewakili salah satu peranannya sebagai badan kawal selia aktiviti seperti persijilan, pengujian dan pemeriksaan produk yang berkaitan Akta 520 industri pembinaan Malaysia. Fungsi utama CIDBH adalah untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti industri pembinaan Malaysia.